

13 APR 2004

TUN MAHATHIR AKHIRI LAWATAN EMPAT HARI KE SARAWAK

KUCHING, 13 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini pulang ke Kuala Lumpur bersama isterinya Tun Dr Siti

Hasmah Mohd Ali setelah mengakhiri lawatan empat hari ke Sarawak.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud bersama isterinya Puan Sri Laila Taib mengetuai barisan Kabinet negeri serta ketua-ketua kaum di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching untuk mengucapkan selamat jalan kepada kedua-dua tetamu itu.

Turut berada untuk mengucapkan selamat jalan ialah kedua-dua Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Dr George Chan serta Tan Sri Alfred Jabu, Menteri Pelancongan Datuk Seri Abang Johari Tun Abang Openg, Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Datuk William Mawan dan Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, Datuk Seri Dr James Masing.

Ketika berada di Sarawak, Dr Mahathir dan isteri telah melawat beberapa bahagian, antaranya Sekolah Kebangsaan (SK) Datuk Awang Udin di Mukah untuk melancarkan program Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Mereka juga diraikan pada majlis Makan Malam Jasamu Dikenang di sini oleh kerajaan Sarawak pada Sabtu lepas.

Kemudiannya, mereka melawat Kampung Awat-Awat, Sundar dan Lawas di bahagian utara Sarawak sebelum ke Miri.

-- BERNAMA

LK CJ PR